



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH
Berita Harian



Dato Sri Douglas Uggah Embas bersama Menteri Pertanian Indonesia, Ir Suswono ketika sidang media sempena Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Malaysia dan Indonesia Ke-8, di Kuala Lumpur.

MSPO kaedah jenamakan minyak sawit Malaysia

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan melaksanakan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) sebagai piawaian sawit nasional mulai 2014.

Piawaian ini menggariskan prinsip dan kriteria bagi pensijilan minyak sawit Malaysia dari sudut kemampuan dan ia adalah sebagai cara menjenamakan minyak sawit Malaysia supaya dapat dibezakan daripada minyak sawit keluaran negara lain.

Cadangan pembangunan MSPO ini dibuat melalui dialog nasional dengan industri sawit selain lapangan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, berkata buat masa ini MSPO sedang menunggu kelulusan Standard Malaysia untuk diguna pakai dalam industri sawit.

Perlu standard sendiri

“Terdapat banyak isu yang timbul dalam industri sawit dan sebagai usaha penyelesaian, Malaysia perlu mempunyai standard sendiri dan MSPO adalah cara untuk menjenamakan sawit Malaysia.

“Kerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dilaksanakan bagi memastikan industri sawit negara terus mampan dan berkualiti tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas memperkerusi Konsultasi Industri Komoditi (KIK) 2013 yang berlangsung pada 2 hingga 3 September lalu.

MPOB mengetuai industri sawit untuk membangun suatu standard mampan kerana standard mampan sedia ada iaitu Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) adalah standard sesama peniaga antarabangsa dan bukan standard kerajaan. RSPO juga didapati tidak menguntungkan pekebun kecil.

MSPO juga menyediakan landasan persijilan nasional dengan mengambil kira undang-undang negara berbanding dengan inisiatif industri di bawah RSPO.

Antara isu lain dibincangkan pada sesi konsultasi itu termasuklah usaha mengatasi isu kecurian buah tandan segar (BTS) dan minyak sawit mentah (CPO).

Sehubungan itu kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) diadakan secara berfasa bermula di Bintulu, Sarawak dan akan diperluaskan di seluruh negara.

Kementerian juga akan memohon kepada kerajaan supaya program tanam semula dan tanam baru bagi pekebun kecil di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sawit dan getah diteruskan sehingga 2020.

Malaysia, Indonesia teroka bidang baru

» Kerjasama maksimum pendapatan pekebun sawit dua negara

Oleh Habsah Dinin
ecah@mediaprima.com.my

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Malaysia dan Indonesia kelapan (JCM ke-8) dijangka meneroka beberapa bidang baru dan kerjasama yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, berkata sebagai pengeluar utama sawit dunia, Malaysia dan Indonesia perlu bekerjasama dalam usaha memaksimumkan pendapatan khususnya kepada penanam dan pekebun sawit di kedua-dua negara.

JCM ke-8 yang berlangsung di Kuala Lumpur Ogos lalu, antara lain menyebut beberapa bidang kerjasama baru kini dilaksanakan mengikut jadual sejak ia diluluskan pada 2006.

Selain itu, JCM ke-8 turut mengesahkan mengenai pengambilan stok juga sedang dilaksanakan selepas mesyuarat JCM di Jogjakarta pada Julai 2012.

Pada masa sama, Dato Sri

Douglas juga menentengahkan beberapa isu yang memberi kesan kepada eksport komoditi sawit dalam tempoh setahun ini antaranya cadangan syarikat pengeluar melabel minyak sawit dalam produk makanan dengan objektif untuk tidak menggalakkan penggunaan minyak sawit dan usaha menaikkan cukai minyak sawit di Perancis.

Tumpu isu sawit

Perbincangan dua hala yang dihadiri delegasi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia dan Kementerian Pertanian Indonesia itu turut memberi tumpuan kepada isu-isu berkaitan minyak sawit, koko, lada hitam dan jatropaha.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi di-

ketuai Dato Sri Douglas sendiri serta Ketua Setiausaha Kementerian, Datin Paduka Nurmala Abd Rahim manakala Kementerian Pertanian Indonesia diwakili Menteri Ir Suswono dan Pemandu Ketua Pengarah Pertanian Indonesia, Dr Haryono.

Dato Sri Douglas berkata, beliau berharap kedua-dua negara boleh mencari penyelesaian kukuh yang mampu meningkatkan semula imej minyak sawit di pasaran dunia.

“Saya yakin lebih banyak potensi besar bidang baru komoditi diperolehi menerusi kerjasama dan gabungan dua negara,” beritahunya.

Sejak Julai 2012 lalu, pegawai terbabit di Malaysia dan Indonesia sudah menentengahkan banyak isu dan skop kerjasama dalam sektor komoditi seperti agenda dan isu membabitkan minyak sawit, koko, lada hitam dan jatropaha.

Pada mesyuarat sama, Dato Sri Douglas turut mengambil peluang mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Suswono dan delegasi daripada Indonesia.

Tanah organik atau tanah gambut ialah nama digunakan untuk tanah yang sebahagian besar kandungan permukaannya terdiri daripada bahan organik. Tanah ini selalunya terjadi di kawasan paya di tepi pantai, sungai, lembah dan kawasan tinggi yang sejuk. Tanah gambut terbentuk hasil daripada bahan organik yang terkumpul dan tidak mereput kerana sentiasa ditenggelami air atau cuaca yang sentiasa sejuk. Tanah gambut terdapat di seluruh Malaysia dan sebahagian besarnya di Sarawak. Keluasan tanah gambut di Semenanjung, Sabah dan Sarawak ialah masing-masing 716,944 hektar, 121,514 hektar dan 1,588,142 hektar.

Tanah gambut dikelaskan sebagai bermasalah sekiranya ingin dimajukan untuk tanaman sawit. Ia selalu dikaitkan dengan mudah banjir, masam/berasid, kurang kesediaan nutrien mikro, mendap dan mengandungi batang serta tunggul kayu yang boleh mengganggu kerja penyediaan tanah. Pada akhir tahun 2009 terdapat sebanyak 660,000 hektar (13 peratus keseluruhan tanaman sawit) di atas tanah gambut. Selain masalah berkenaan, tanah gambut juga melepaskan gas rumah hijau (GHG) apabila disalurkan dan dibangunkan untuk tanaman sawit.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May
Ketua Pengarah
MPOB

Walaupun tanah gambut mempunyai beberapa masalah tetapi ia boleh ditanam dengan sawit sekiranya diurus dengan betul. Untuk mengatasi masalah dan meningkatkan pengeluaran tanaman sawit di tanah gambut, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menjalankan beberapa penyelidikan di tanah gambut berkaitan pengelasan, teknik penanaman, saliran, pelepasan GHG, pembajaan dan kepelbagaian biologi. Semua penyelidikan dijalankan bersama Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Putra Malaysia, industri sawit dan Makmal Penyelidikan Gambut Tropikal (TPRL) Sarawak. Kerajaan memperuntukkan RM50 juta untuk melaksanakan kerja penyelidikan ini. MPOB juga mengeluarkan Amalan Pengurusan Baik (BMP) tanah gambut sebagai panduan kepada penanam sawit mengurus tanah gambut mereka dengan betul. Hasil penyelidikan dijalankan, MPOB berjaya membangunkan kaedah pengelasan tanah gambut bersepadu untuk mengatasi masalah yang timbul kerana ketidakseragaman kaedah pengelasan yang ada di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kajian juga menunjukkan bahawa pelepasan GHG daripada tanah gambut yang ditanam sawit boleh dikurangkan dengan menghadkan aras air tanah pada 50 cm dari permukaan tanah di dalam parit ladang. Kaedah pengurusan aras air tanah ini juga boleh mengurangkan pemendapan tanah gambut dan mengatasi masalah pokok sawit condong dan tumbang. Pembajaan sawit di tanah gambut telah lama dikaji dan didapati kandungan organik yang tinggi mengurangkan kesediaan nutrien mikro seperti kuprum (Cu), ferum (Fe), zink (Zn) dan boron (B).

Penanaman sawit di tanah gambut sangat ditentang badan bukan kerajaan (NGO) kerana meningkatkan pelepasan GHG. Semua pensijilan mampan sawit seperti Persidangan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO) dan Pensijilan Mampan dan Karbon Antarabangsa (ISCC) menghadkan penanaman sawit di tanah gambut. Malaysia pada masa ini dalam perbincangan dengan Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) Amerika Syarikat dan Suruhanjaya Eropah (EC) untuk mendapat kelulusan menjadikan minyak sawit sebagai sumber bahan api bio. Antara isu utama dalam perbincangan itu ialah nilai pelepasan GHG daripada ladang sawit di tanah gambut terutama di Indonesia dan Malaysia. Malaysia dan Indonesia mengemukakan maklumat teknikal berdasarkan data sedia ada. Pada masa sama MPOB akan terus menjalankan kajian tanah gambut untuk memperoleh maklumat lebih luas dan jitu serta memastikan penanaman sawit di tanah gambut menguntungkan, mesra alam sekitar dan mampan.



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Dato Sri Douglas Uggah Embas ketika mempengerusikan Konsultasi Industri Komoditi. Turut hadir Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon dan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim.

Kementerian galak penciptaan, inovasi

◉ Dari muka 1

Untuk tempoh 2011 hingga 2013, peruntukan RM2,492 bilion disediakan bagi tujuan itu membolehkan kawasan seluas 108,000 hektar (RM902 juta) bagi tanaman sawit.

Kementerian juga menggalakkan penciptaan dan inovasi mekanisasi

di peringkat ladang sawit terutama penciptaan mesin penuaian buah sawit bagi mengurangkan kebergantungan tenaga kerja.

Sehubungan itu, MPOB akan menerajui usaha berkenaan dengan menganjurkan pertandingan peringkat antarabangsa dan sedang menimbang untuk menawarkan hadiah berbentuk wang tunai.

Sesi Konsultasi itu turut membincangkan keperluan kerajaan mengkaji semula cukai ke atas sektor sawit seperti Windfall Profit Levy (WPL) dan cukai jualan oleh kerajaan negeri serta skim subsidi minyak masak.

Isu berkaitan alam sekitar memabatkan penanam sawit di tanah gambut dan tahap buangan efluen oleh kilang sawit turut dibincangkan.

MPIC, SOPPOA bincang isu industri sawit Sarawak

» Kemudahan infrastruktur, harga diskaun antara isu diketengah

Oleh Sulim Lumong
sulim@mprob.gov.my

► Kuching

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Persatuan Pemilik Pemilik Ladang Kelapa Sawit Sarawak atau Sarawak Oil Palm Plantations Owners Association (SOPPOA) telah mengadakan sesi dialog bagi membincangkan perkembangan industri sawit di Sarawak dan isu semasa khususnya yang memabatkan ahli SOPPOA pada 1 Ogos 2013.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas telah mempengerusikan



Dato Sri Douglas Uggah Embas (tengah) bergambar bersama ahli majlis SOPPOA. Turut kelihatan Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (dua dari kanan), Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Presiden SOPPOA, Paul Wong (tiga dari kanan).

sesi dialog yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abd Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May serta pegawai kanan MPIC dan MPOB. SOPPOA diketuai oleh Presidennya, Paul Wong dan ahli majlis SOPPOA.

Presiden SOPPOA memberi penerangan mengenai perkembangan industri sawit Sarawak serta isu yang dihadapi oleh ahli SOPPOA termasuk kemudahan infrastruktur, isu harga

diskaun di Sarawak disebabkan kos logistik yang lebih tinggi berbanding Semenanjung, isu pelesenan dan penguatkuasaan dan penyelidikan tanaman sawit di tanah gambut.

Sarawak mempunyai keluasan 1.6 juta hektar tanah gambut dan dianggarkan lebih 400,000 hektar telah diusahakan dengan tanaman sawit. Pembangunan tanah gambut bagi penanaman sawit memabatkan beberapa isu seperti alam sekitar dan pengurusan tanaman sawit.

MPIC anjur sambutan Merdeka Raya

» Rapatkan silaturrahim, perkukuh hubungan dalam masyarakat

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) mengadakan Sambutan Merdeka Raya MPIC 2013, di sini, baru-baru ini, bagi merapatkan silaturrahim dan memperkukuhkan hubungan di dalam masyarakat yang seterusnya menyumbang kepada perpaduan dan keharmonian negara.

Menterinya, Dato Sri Douglas Uggah Embas ketika ber-

ucap di majlis berkenaan berkata dalam konteks 1Malaysia, amalan murni seperti ini akan memperkukuhkan hubungan sesama kita seterusnya menyumbang kepada keharmonian negara.

Semangat kemuafakatan

Menurutnya, semangat kemuafakatan ini tidak wajar terhad kepada hari perayaan saja, malah amalan ini harus diterapkan dalam kehidupan seharian kita agar keamanan dan kestabilan negara akan terus mantap dan harmoni selamanya.

“Sambutan ini bukan saja amat bermakna kepada umat Islam, malah ia turut dinantikan oleh masyarakat majmuk di negara ini yang unik, yang berbilang kaum, agama dan budaya yang dapat sama-sama berkongsi kebahagiaan merayakannya.

Katanya, pada tahun ini sambutan Hari Raya disambut bersama kemerdekaan negara



Dato Sri Douglas Uggah Embas ketika berucap pada Majlis Sambutan Merdeka Raya MPIC 2013.

ke-56.

Sambutan Kemerdekaan pada tahun ini juga menekankan konsep perpaduan yang berorientasikan semangat patriotisme dan kesatuan negara bangsa.

“Dengan tema yang dipilih ‘Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku’, seluruh rakyat Malaysia diseru untuk bersatu memartabatkan

perjuangan negara dan mengisngi kemerdekaan, termasuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Pada majlis berkenaan, beliau turut melancarkan sambutan Kemerdekaan peringkat MPIC dan meraikan ibu-ibu tunggal serta anak-anak yatim yang turut menerima sumbangan Hari Raya.



Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim bersama Datuk Dr Choo Yuen May disertai pegawai kanan MPIC, MOB dan wakil industri pada Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM).

Malaysia-Indonesia bincang isu sawit

Oleh Ali Zulhusni Ali Nordin
alizulhusni@mpob.gov.my

Mesyuarat ke-8 Jawatankuasa Bersama Malaysia-Indonesia dalam bidang sawit, koko, lada dan jathropa diadakan di Kuala Lumpur dari 27 hingga 30 Ogos lalu.

Mesyuarat kali ini berlangsung dalam tiga peringkat bermula dengan Mesyuarat Pasukan Petugas Bersama bagi Mempromosikan Imej Minyak Sawit ke-5 (5th Joint Task Force To Promote The Image of Palm Oil) diikuti Mesyuarat Peringkat Kumpulan Kerja Kelapa Sawit ke-18 (18th SWGPO) dan Mesyuarat Pegawai Kanan ke-10 (10th SOM).

Mesyuarat kemuncak adalah Mesyuarat Peringkat Menteri ke-8 (8th JC) berlangsung pada hari terakhir.

Bagi Mesyuarat Kumpulan Kerja Kelapa Sawit (SWGPO), delegasi Malaysia diketuai Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May dan disertai pegawai kanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), pegawai kanan MPOB, MPOC dan wakil industri sawit (MPOA), wakil Peguam Negara serta wakil MIDA, manakala delegasi Indonesia diketuai Pengarah Pembangunan Pasaran Antarabangsa, Kementerian Pertanian Indonesia, Ir Mesah Tarigan dan disertai wakil dari Kementerian, agensi Kerajaan dan pihak industri sawit Indonesia.

Tangani kempen anti minyak sawit

Di antara perkara yang dibincang dan dipersetujui oleh kedua-dua negara sepanjang satu setengah hari itu ialah untuk menganjurkan seminar bersama dalam bidang kesihatan dan aspek pemakanan bagi menangani kempen anti minyak sawit.

Di samping itu, kedua-dua negara juga bersetuju mengenai beberapa perkara yang telah dibincangkan secara mendalam ketika Mesyuarat Kumpulan Kerja Kelapa Sawit.

Kedua-dua negara juga bersetuju untuk terus memantau perkembangan di bawah EU Renewable Energy Directive (EU RED) dan juga Notice of Data Availability (NODA) di bawah Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) Amerika Syarikat.

Program POFP landasan kongsi idea

Program Suaikenal Industri Sawit ke-33 (POFP) yang dianjurkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) di bawah Kementerian Luar bermula 2 September lalu bertujuan untuk berkongsi idea dan pengalaman mengenai industri sawit negara.

Seramai 34 peserta daripada 17 negara yang dipilih mengikuti persidangan POFP diberikan pengetahuan khusus mengenai keseluruhan spektrum industri minyak sawit di Malaysia.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon ketika berucap pada perasmian program itu berkata, daripada tanaman hiasan pada 1870-an, minyak sawit hari ini dilihat memainkan peranan penting dalam menyediakan makanan yang mempunyai nutrisi dan berkhasiat.

Datuk Noriah berkata, tidak lagi sebagai minyak masak, tetapi ia boleh dijadikan sumber bahan mentah bagi industri di peringkat global, selain me-



Datuk Noriah merasmikan Program Suaikenal Industri Sawit 2013 di Kuala Lumpur. Turut kelihatan, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Mohamad Sanuri Shahid (kanan) dan Pengarah Kanan Jabatan Polisi dan Perancangan Strategik, Kementerian Luar, Badli Hisham Adam (dua dari kanan).

nyumbang kepada pembangunan ekonomi di banyak negara.

Katanya, penggunaan sawit dilihat berkembang pesat kerana ia menjadi pilihan di pelbagai industri makanan dan bukan makanan.

Tambah beliau, bukan saja sebagai aset atau bahan asas makanan, minyak sawit turut

digunakan sebagai bahan menghasilkan produk seperti bahan ukiran kayu dan pengganti kimia juga kelengkapan harian seperti sabun dan sebagainya.

Penentu ekonomi negara

“Kerana kepentingan industri itu, ia dijadikan penentu eko-

nomi negara terutama dalam Program Transformasi Ekonomi iaitu titian untuk mengubah Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.

“Justeru, menerusi POFP, peserta akan melihat pelbagai aspek industri sawit negara, termasuk amalan pertanian yang baik dan mesra alam,” katanya.

Jelas beliau, amalan pertanian baik perlu diserapkan bagi pemantapan produktiviti hasil sawit tanpa mencemari alam sekitar terutama ketika menjalankan aktiviti pembersihan ladang untuk penanaman semula pokok sawit.

Jelasnya lagi, program itu dibangunkan Unit Khidmat Nasihat Teknikal MPOB yang bertanggungjawab menerajui pembangunan pasaran dan promosi teknikal minyak sawit Malaysia.

Beliau berkata, POFP yang berlangsung selama seminggu membolehkan pakar dari pelbagai sektor industri berkongsi pengetahuan dan kepakaran dalam isu khusus mengenai minyak sawit.

Delegasi MPIC lawat Afrika Selatan

>> MPOC, MPOB anjur seminar 'Palm Oil and Health-Getting the Facts Right'

Oleh Rosidah Radzian dan Isa Mansor
rosidah@mpob.gov.my
dan ibm@mpob.gov.my

Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim mengetuai lawatan kerja delegasi MPIC ke Afrika Selatan dan Madagascar yang membabitkan pegawai-pegawai dari MPOB, Lembaga Koko Malaysia (LKM), MPOC dan pegawai kementerian. MPOB diwakili Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat (PDAS), Rosidah Radzian dan Pengurus MPOB bagi

Wilayah Afrika, Isa Mansor yang berpangkalan di pejabat serantau MPOB Kaherah, Mesir.

Delegasi MPIC mengadakan lawatan kerja bermula 18 Ogos 2013 di Cape Town, Afrika Selatan dan seterusnya ke Johannesburg dan Pretoria pada 22 Ogos 2013. Program di Madagascar bermula dari 23 hingga 24 Ogos 2013.

Pada lawatan ke Cape Town, MPOC dan MPOB menganjurkan seminar pemakanan berkonsep 'Palm Oil and Health-Getting the Facts Right' yang berlangsung di Hotel Table Bay Cape Town.

Seminar yang diadakan pada 19 Ogos 2013 dirasmikan oleh Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim. Sebanyak empat kertas kerja dibentangkan dan antaranya ialah kertas kerja bertajuk 'Palm Oil - a Versatile Ingredient for Food Applications' oleh Rosidah Radzian. Seminar dihadiri 65 peserta dari Afrika Selatan.

Program kemuncak ialah pelancaran produk Omega Caro - E yang mengandungi ekstrak minyak sawit merah dan minyak ikan. Produk berbentuk kapsul



Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim berucap merasmikan Seminar Pemakanan di Cape Town, Afrika Selatan.

yang mengandungi EPA, DHA, karoten dan vitamin E. Ekstrak minyak sawit merah diperoleh dari Malaysia manakala minyak ikan adalah hasil minyak tempatan.

Projek kerjasama

Program seterusnya ialah perbincangan mengenai projek kerjasama MPOB dengan Cape Peninsula University, Afrika Selatan di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) iaitu projek pe-

makanan biskut menggunakan lemak minyak sawit merah dan seterusnya mengkaji kesan kesihatan terhadap kanak-kanak yang makan biskut tersebut untuk satu jangkamasa tertentu.

Perbincangan diketuai oleh Datin Paduka Nurmala dan membabitkan wakil MPOB. Perjanjian projek kerjasama ditandatangani oleh pihak universiti dan upacara penyerahan dokumen projek dilakukan semasa lawatan ini.

Program seterusnya ialah lawatan ke kilang Sime Darby Hudson & Knight (SDHK) dan mesyuarat dengan Department of Trade & Industry (TDI), Pretoria. Lawatan ke TDI, Pretoria melibatkan perbincangan kerjasama yang boleh dilakukan di antara kedua-dua pihak.

SDHK adalah kilang minyak dan lemak di Afrika Selatan yang menggunakan berbagai produk minyak sawit Malaysia secara meluas. Afrika Selatan adalah pasaran berbagai produk sawit yang stabil di benua Afrika. Import untuk jangka tempoh dari Januari hingga Julai 2013 mencapai 99,759 tan.

Delegasi meneruskan lawatan kerja ke Antananarivo, Madagascar. Pada 23 Ogos 2013, program 'Industry Interaction and Network Session' telah diadakan di hotel Carlton, Antananarivo.

Delegasi diberi penerangan oleh Johary Rajosefa selaku Director of Facilitation and Investments mengenai kertas kerja 'Madagascar: Your Next Palm Oil Investment Destination'.



Datuk Dr Choo Yuen May bersama Presiden SPPOMA, Khoo Chee Hong dan Ahli SPPOMA.

Kilang sawit digesa praktik Amalan Pengilangan Baik

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Johor Bahru: Sasaran bagi mencapai kadar perahan minyak 23 peratus di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) industri sawit hampir dicapai oleh beberapa kilang memproses sawit di negara ini.

Kadar perahan berkenaan mampu dicapai dengan penerimaan buah tandan segar yang berkualiti oleh kilang memproses buah sawit serta mempraktikkan amalan pengilangan baik serta meminimumkan kadar kehilangan minyak sawit.

"Dalam konteks ini, saranan MPOB agar menggunakan Manual Penggredan MPOB bagi menggred buah tandan segar dan Kod Amalan Pengilangan Baik perlu diterima pakai oleh ahli-ahli Southern Peninsula Palm Oil Millers' Association (SPPOMA)", kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas dalam ucapannya yang dibacakan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May pada Majlis Makan Malam Ulang tahun ke-30 SPPOMA, di sini baru-baru ini.

Menurutnya, kilang sawit digesa mengamalkan Kod Amalan Pengilangan Baik untuk lebih kompetitif

dan meningkatkan pengeluaran minyak sawit yang berkualiti tinggi sejajar dengan standard di peringkat antarabangsa bagi memenuhi permintaan pengguna.

Katanya, MPOB memperkenalkan Kod Amalan Baik (Codes of Practice) bagi keseluruhan rangkaian pengeluaran minyak sawit yang merangkumi pengilangan, penapisan, pelumat isirung dan pengangkutan.

"Bagi kilang sawit Kod Amalan Pengilangan Baik, sistem penilaian kualiti dan keselamatan makanan yang ketat dilaksanakan sebelum sijil dikeluarkan kepada pihak kilang," katanya.

ICCOS
MALAYSIA INTERNATIONAL
COMMODITY CONFERENCE & SHOWCASE 2013
"SUSTAINABLE COMMODITY FOR A BETTER TOMORROW"
24 - 27 October 2013
Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS)
Selangor, Malaysia

ORGANISED BY:
MINISTRY OF PLANTATION
INDUSTRIES AND COMMODITIES

WITH COOPERATION FROM:
MPOB, MPOC, MTL, MIPC, MPE, MPP, MPPA, MPPB, MPPC, MPPD, MPPF, MPPG, MPPH, MPPJ, MPPK, MPLL, MPPM, MPPN, MPPO, MPPQ, MPPR, MPPS, MPPV, MPPW, MPPX, MPPY, MPPZ

Program interaksi bincang industri sawit

» Program sedia platform bincang isu pengguna minyak sawit dari pelbagai negara

Oleh Norazura Aila Hassim dan Yoong Jun Hao
azuraaila@mpob.gov.my, jhyoong@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

MPOB menerusi Unit Khidmat Nasihat Teknikal (TAS) menganjurkan program interaksi dengan wakil industri sawit Malaysia yang ber-

langsung pada 4 September lalu di sini.

Program separuh hari itu dianjurkan sempena Program Suai Kenal Minyak Sawit 2013 yang juga dikenali sebagai 'POFP 2013'.

Seramai 105 peserta menghadiri program interaksi ini memabitkan kira-kira 60 peserta yang mewakili industri sawit Malaysia. Program interaksi ini menarik perhatian wakil industri kerana maklumat terkini berkenaan minyak sawit di negara peserta POFP 2013 yang dipilih dikongsi pada sesi interaksi.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, dalam ucapan perasmian program itu berkata, sesi interaksi dengan wakil industri adalah antara program utama POFP 2013 bertujuan me-

nyediakan platform bagi perbincangan antara pengguna minyak sawit dari pelbagai negara dengan wakil industri sawit Malaysia.

Program interaksi ini dibahagikan kepada dua sesi dan ia dioperasikan Datuk Dr Choo Yuen May. Sebanyak tujuh pembentangan kertas kerja diadakan yang disampaikan enam peserta POFP 2013 dari negara Pakistan, India, Iran, China, Myanmar dan Kanada serta satu pembentangan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM).

Pada pembentangan kertas kerja, pembentang daripada General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine, China (AQSIQ) memaklumkan bahawa pelaksanaan pe-



Datuk Dr Choo Yuen May berucap pada perasmian program Interaksi yang diadakan sempena POFP 2013.

nguatkuasaan ketat negara China tidak memberikan impak negatif kepada aktiviti perdagangan minyak sawit Malaysia ke China di mana semua minyak sawit Malaysia yang dieksport ke China dapat memenuhi peraturan ditetapkan Kerajaan China.

Di samping itu, pembentang daripada Kanada memaklumkan bahawa minyak sawit yang tidak mengandungi lemak trans berpotensi dalam penghasilan majerin di negara berkenaan. Beliau

turut mencadangkan agar wakil industri sawit Malaysia memperluaskan pasaran minyak sawit di Kanada.

Dalam sesi interaksi yang diadakan, peserta juga mengambil kesempatan bertukar-tukar pandangan berkaitan perdagangan minyak sawit di seluruh dunia. Adalah diharapkan bahawa interaksi ini dapat mempertingkatkan lagi pasaran bagi wakil industri sawit Malaysia ke seluruh dunia.

POFP bantu peserta teroka industri sawit

Bukan sekadar bertukar pendapat tetapi kebanyakan peserta yang dipilih mengikuti Program Suai Kenal Industri Sawit ke-33 (POFP) menjadikannya sebagai medan menambah ilmu pengetahuan berhubung industri sawit Malaysia.

Program tahunan yang dianjurkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) itu adalah landasan untuk peserta menjaring peluang perniagaan serantau terutama dalam industri pembuatan produk makanan dan bukan makanan berasaskan sawit yang menjadi permintaan hari ini.

Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan Golden Gate, Firouz Jahaniaval, memberitahu pemilihan beliau ke persidangan ini memberi ruang untuk syarikat pengeluar majerin terbesar di Kanada itu menjalin kerjasama dengan MPOB pada masa akan datang khususnya bagi memenuhi permintaan bahan utama (minyak sawit) pembuatan majerin.

Beliau berkata, bukan saja boleh diperolehi pada harga berpatutan malah minyak sawit keluaran negara ini lebih berkualiti selain sistem penanaman pokok sawit yang mesra alam.

Intai peluang di Malaysia

"Kedatangan pertama kali di sini adalah untuk melihat peluang yang ada di Malaysia terutama bagi mengimport minyak sawit dan sudah tentu untuk melebarkan sayap perniagaan syarikat sebagai pengeluar majerin berkhasiat.



Sebahagian peserta program Suai Kenal Industri Sawit ke-33 yang dianjurkan baru-baru ini.

"Ya membolehkan Golden Gate yang bertapak sejak 30 tahun lalu pergi lebih jauh dalam pemasaran antarabangsa disamping meningkatkan kualiti penghasilan produk iaitu majerin Kristal dan Mirage dengan menggunakan minyak sawit sebagai bahan asas," katanya.

Bagi Ketua Program Fats & Oils Texas A&M Engineering Experiment Station, Amerika Syarikat, M S Alam, tujuan beliau menyertai POFP untuk melihat sendiri kegunaan minyak sawit dengan lebih terperinci.

Alam berkata, jika sebelum ini beliau tidak pernah melihat ladang sawit yang luas terbentang, tetapi sejak berada di Malaysia,

kiri dan kanan lebuhraya dipenuhi ladang sawit malah beliau turut diberi peluang melihat sendiri proses penyelidikan minyak sawit dengan lebih dekat.

"Dengan adanya program ini, peserta dapat memahami lebih jelas berhubung kegunaan minyak sawit yang berkhasiat dan tidak mengandungi lemak trans selain lebih dinamik.

"Khasiat dan kualiti penting kerana masyarakat hanya mahu makanan yang berkhasiat, selamat dan berkualiti. Lagipun, kebanyakan individu berusaha mengamalkan cara hidup sihat dan makanan adalah perkara utama yang dititikberatkan," katanya.

Katanya, untuk menjaga ke-

sihatan, perkara utama yang akan disemak dalam label makanan ialah penggunaan bahan kimia bahaya dan bahan berkelestrol tinggi dan ia sewajarnya dielakkan.

Peserta dari 17 negara

Ketua Saintis CSIR-India Institute Of Chemical Technology, Dr RBN Prasad, pula menyifatkan melalui program POFP, bukan saja dapat menjaring perniagaan tetapi menambah pengetahuan mengikut kepakaran peserta dari 17 negara.

Prasad berkata, dalam skop kerjaya beliau, penyelidikan terhadap minyak sayuran sudah menjadi prospek penting terutama dalam menghasilkan pro-

duk yang selamat dan sihat.

"Antara minyak sayuran yang berkualiti ialah minyak sawit dan ia sememangnya diakui di kebanyakan negara pengguna dan pengeluar sawit di seluruh dunia.

"Disebabkan itu, dengan peluang yang ada, saya mahu membuat kajian terperinci mengenai kehebatan minyak sawit yang bukan saja dijadikan bahan mentah untuk produk makanan tetapi bukan makanan," katanya.

Bagi Pengurus Besar Punjab Oils Mills Limited, Ch Muhammad Sarwar, Malaysia merupakan negara pengeksport terbesar minyak sawit ke Pakistan dengan membekalkan hampir 70 peratus hingga 75 peratus minyak sawit negara tersebut.

Muhammad yang mewakili syarikat pengeluar majerin, minyak masak dan sabun mandi berkata, melalui POFP, beliau dapat mengetahui penemuan baru dalam minyak sawit sekali gus dapat dijadikan formula untuk melahirkan produk baru di negaranya.

"Peserta akan menambah ilmu dan memperbaiki idea serta apa yang pasti jaringan perniagaan terbentang luas. Ini masa untuk bertukar pendapat dan menjalin kerjasama bagi meluaskan pasaran produk ke peringkat global," katanya.

Pengurus Kanan Pengeluaran dan Proses Shariza Oil Refinery Limited SA Group, Mohamed Siddique Ahmad, berkata banyak lagi yang perlu dipelajari mengenai kegunaan minyak sawit terutama dalam produk bukan memabitkan makanan.

Tan Sri Bernard terima anugerah PILA 2013

» Sumbangan besar beri impak positif kepada industri sawit Malaysia



Oleh Habsah Dinin

Bekas Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, dipilih menerima Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) 2013 berikutan pencapaian dan sumbangan besar beliau kepada industri minyak sawit Malaysia.

Anugerah PILA yang menjadi penanda

aras kepada semua peneraju industri dan generasi masa depan minyak sawit dianjurkan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas ketika menyampaikan ucapan penghargaannya kepada Tan Sri Bernard pada majlis khas yang diadakan baru-baru ini berkata, Tan Sri Bernard dilihat begitu sensitif dengan perkembangan industri minyak sawit serta kesejahteraan alam sekitar dan semua

jasa beliau itu sangat besar artinya kepada generasi masa depan.

Sumbangan beri impak positif

“Saya optimis sumbangan besar Tan Sri bakal memberi impak positif kepada banyak projek kesejahteraan dan pemuliharaan alam, hidupan liar dan biodiversiti,” tegasnya.

Dato Sri Douglas mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Bernard yang juga penerima keenam PILA kerana banyak ideanya digunakan untuk melestarikan industri minyak sawit kepada tahap yang ada kini.

Katanya, usaha Tan Sri Bernard paling utama ialah menangani publisiti negatif terhadap minyak sawit.

Beliau pernah menerajui delegasi Malaysia ke seluruh dunia khususnya ke negara Eropah dan Amerika mengadakan perbincangan dengan Ahli Parlimen Eropah dan Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika serta beberapa agensi Kerajaan Persekutuan Amerika mengenai kelestarian minyak sawit Malaysia.

“Pada masa sama, beliau memberi tumpuan menimbulkan minat antarabangsa terhadap minyak sawit tempatan.

“Tan Sri Bernard juga mewujudkan banyak kemudahan dan mempromosi manfaat ekonomi minyak sawit termasuk penubuhan Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) dan pembentukan koperasi di kalangan pekebun kecil.

“Beliau bertanggungjawab kepada penubuhan Kompleks Pusat Maklumat Sawit Sabah di Kota Kinabalu; memperkenalkan Skim Insentif Tanam Semula Sawit, program biodiesel B5 dan penstrukturan semula duti eksport minyak sawit mentah.

Tingkat perolehan minyak sawit

“Sepanjang tempoh kepimpinannya, nilai eksport industri minyak sawit Malaysia mencatatkan perolehan tertinggi kepada RM83.4 bilion pada 2011,” ujarnya.

Dato Sri Douglas merakamkan penghargaan kepada MPOC yang berjaya menganjurkan Anugerah PILA keenam bagi 2013 ini.

Hadir sama di majlis itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmalah Abdul Rahim; Pengerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Lee Yeow Chor; Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusuf Basiron.

Katanya, anugerah PILA diberikan bukan saja kepada mereka yang memberi sumbangan kepada industri sawit global tetapi juga usaha memberikan manfaat positif kepada mereka yang terbabit secara langsung kepada penanaman dan pengurusan ladang sawit.

PILA diperkenalkan MPOC pada 2008 sebagai mengiktiraf jasa individu tahap tertinggi dalam industri minyak sawit Malaysia dan sumbangan berterusan mereka kepada peningkatan industri ini.

“Setiap sumbangan mereka besar artinya kepada industri kerana tanpa usaha mereka industri tidak mampu berada pada tahap yang ada sekarang.

“PILA juga mengiktiraf usaha dan dedikasi mereka yang tidak jemu-jemu memastikan pertumbuhan industri sawit di Malaysia,” tambahnya.

Iktiraf sumbangan individu

Dato Sri Douglas juga mengucapkan syabas kepada MPOC kerana inisiatif memperkenalkan anugerah yang mengiktiraf sumbangan individu tertinggi dalam industri dan yakin PILA menjadi pembakar semangat kepada peneraju industri seterusnya mencapai yang terbaik bagi memastikan bendera industri sawit Malaysia berkibar megah dalam industri sawit dunia.

Penerima PILA pertama (2008) ialah meniang Tun Dr Lim Keng Yaik, kerana kejayaan menangkis kempen anti minyak tropika sekitar 1980-an berikutan dakwaan minyak sawit tidak baik kepada kesihatan.

Penerima kedua (2009) pula ialah Raja Tan Sri Muhammad Alias, peneraju FELDA selama tiga dekad. Beliau berjaya mengubah persepsi FELDA daripada sebuah agensi pe-

“**Saya optimis sumbangan besar Tan Sri bakal memberi impak positif kepada banyak projek kesejahteraan dan pemuliharaan alam, hidupan liar dan biodiversiti**”

Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

penerima Anugerah Merdeka 2012.

Penerima kelima (2012), Tan Sri Lee Oi Hian ialah Ketua Pegawai Eksekutif Kuala Lumpur Kepong Berhad. Lee dikenali kerana kepimpinan dan kepakaran pengurusanannya hingga meletakkan KL Kepong salah satu syarikat blue chip cemerlang serta minatnya dalam sektor oleokimia. Anak syarikatnya, Palm Oleo Sdn Bhd diiktiraf pengeluar produk oleokimia terbesar dunia.

Sementara itu Dato Sri Douglas menambah, sektor perladangan dan komoditi kini menjadi antara penyumbang utama ekonomi negara.

Prestasi positif dan memberangsangkan sektor sawit menyumbang pertumbuhan Keluaran Kasar Negara (KNK), memberi peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan kepada pekebun kecil di luar bandar.

Penuhi permintaan dunia

Berdasarkan faktor inilah, penanam sawit perlu bekerjasama memastikan industri terus berkembang dan menjadi penyumbang kepada kehidupan dan pembangunan sosio ekonomi Malaysia.

Sebagai pengeksport utama minyak sawit, Malaysia berperanan penting memenuhi permintaan rantaian bekalan makanan penduduk dunia yang semakin meningkat.

Pada 2012 saja, Malaysia mengeluarkan 18.79 juta metrik tan minyak sawit dan mengeksport 17.56 juta metrik tan atau 93 peratus pengeluaran kepada pasaran minyak dan lemak dunia.

Hasil eksport minyak sawit dan produknya berjumlah RM73.2 bilion atau 10.4 peratus nilai eksport perdagangan dunia daripada Malaysia.

“Industri minyak sawit menjadi penyumbang eksport negara dengan purata RM65.3 bilion setahun sejak lima tahun lalu,” kata Dato Sri Douglas.

Beliau menambah, ketika ini industri menyumbang pekerjaan kepada 500,000 rakyat Malaysia termasuk 300,000 pekebun kecil. Ini turut menjadikannya pemacu sosio ekonomi dan tunjang utama ekonomi negara.

INFO

Direktori Stokis Cantas

BIL	NAMA & ALAMAT STOKIS CANTAS	NAMA PEGAWAI YANG PERLU DIHUBUNGI	NO. TELEFON / NO. FAKS / E-MEL
1	HAJI SAROJI SDN BHD No. 3, Batu 8, Jalan Raja Musa 45000 Kuala Selangor	En. Mohd Tajuddin bin Saroji Pn. Anita Mohalid	Tel : 03-32892333 Faks : 03-32811101 h/p : 019-3845398/95 saroji_41@yahoo.com anitamaholid@yahoo.com
2	MOHD JANIS SDN BHD Lot 6785, Kampung Parit Kassan 84800 Bukit Gambir Ledang Johor Darul Takzim	Tn. Hj. Mohd Janis bin Abu Bakar	Tel : 06-9761213 / 06-9807034 / 35 / 36 Faks : 06-9761213 mjjanis78@yahoo.com
3	FM GLOBAL VENTURES No. 7, Tingkat 1, Jalan Bakek 82000 Pontian Johor Darul Takzim	En. Fansuri Miskam	Tel / Faks : 07-6874595 h/p : 012-2583710
4	HAJI SENIN WAGIMAN Batu 36, Bukit Changgang 42700 Banting Selangor	Tn. Hj. Senin Wagiman	Tel / Faks : 03-31494118
5	TAN TANG SEONG (Koperasi Penanam Sawit Mampan Teluk Intan) No. 19869, Jalan Manggis 36000 Teluk Intan Perak	En. Tan Tang Seong	h/p : 019-5598559 tts@live.com.my
6	ST BESTARI ENTERPRISE 8A, Jalan Kenari FELDA Ayer Tawar 5 81920 Kota Tinggi Johor Darul Takzim	Tn. Hj. Misron Jamsari	h/p : 013-7793260

Sekiranya ada sebarang pertanyaan mengenai Stokis Cantas polion kemukakan kepada Dr. Zainon Mat Sharif zainon@mpob.gov.my atau Pn. Sheilyza Mohd Ishak sheilyza@mpob.gov.my. No. telefon untuk dihubungi 03-87694929 atau 03-87694549.

Emulsi minyak sawit hasilkan nugget sayuran

Oleh Habsah Dinin
ecah@bharian.com.my

Prihatin dengan kerisauan ibu bapa apabila anak mereka enggan makan sayur memberi inspirasi kepada Pegawai Penyelidik Unit Protein dan Teknologi Makanan, Rafidah Abdul Hamid menghasilkan formulasi emulsi untuk membuat nugget sayuran berasaskan minyak sawit.

Rafidah, 39, berkata kegunaan emulsi yang dihasilkan itu membolehkan semua bahan dan sayur melekat satu sama lain di dalam nugget yang dibuat dan ini menjadikan nugget sayuran menjadi lebih sedap selain berkhasiat.

Ganti lemak kulit ayam

“Emulsi berasaskan sawit ini boleh digunakan menggantikan bahan lemak kulit ayam yang biasa digunakan dalam pembuatan nugget di pasaran. Ia bukan saja baik untuk kesihatan tetapi sangat sesuai kepada ibu bapa yang mahu memberi anak makan lebih banyak sayuran.

“Ia juga mengandungi hampir 100 peratus daripada bahan tumbuhan.

“Ia diformulasi agar mengandungi cuma 2 - 2.5 peratus lemak. Oleh itu ia bakal membuka pasaran nugget kepada golongan vegetarian atau pemakan sayur di negara ini,” katanya.

Katanya, penggunaan lemak haiwan yang tinggi dengan kandungan asid lemak tepu dalam pemrosesan makanan segera sejuk beku seperti nugget menjejaskan mutu makanan.

Jelas Rafidah, setakat ini dia sudah menguji penggunaan emulsi ini ke dalam nugget daripada bahan berasaskan tahu, tempe dan gluten (tepung berkanji).

“**Emulsi berasaskan sawit ini boleh digunakan menggantikan bahan lemak kulit ayam yang biasa digunakan dalam pembuatan nugget di pasaran. Ia bukan saja baik untuk kesihatan tetapi sangat sesuai kepada ibu bapa yang mahu memberi anak mereka makan lebih banyak sayuran**”

Rafidah Abdul Hamid, Pegawai Penyelidik Unit Protein dan Teknologi Makanan

Rasa lebih digemari

Kajiannya juga membabitkan kanak-kanak sekolah di Bangi dan mendapati sebilangan besar kanak-kanak gemar makan nugget sayuran yang menggunakan emulsi berasaskan sawit itu dan memujinya sedap.

Katanya, kebanyakan orang dewasa pula lebih gemar menghasilkan nugget daripada tahu manakala nugget daripada tempe pula mengeluarkan bau yang agak kurang enak.

Kelebihan emulsi ini ialah harganya jauh lebih murah selain bahan yang digunakan adalah dari bahan yang senang didapati dengan kos menghasilkan satu kilogram emulsi dianggarkan hanya sekitar RM6.

“Nugget sayuran sebenarnya sudah dijual secara meluas di beberapa negara seperti di Amerika, China dan India,” katanya dan berharap pada TOT kali ini formulasi emulsinya berjaya menarik minat pembeli.



Pegawai Penyelidik MPOB, Rafidah Abd Hamid bersama produk nugget sayuran berasaskan sawit hasil inovasinya sedia untuk dikomersialkan.

The Palm Oil event of the year is back!

The Malaysian Palm Oil Board is organising

PIPOC 2013

INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS

19 - 21 November 2013

Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur, Malaysia

For more information, please e-mail: pipoc2013@mpob.gov.my

Tan Sri Shahrir komited majukan industri sawit

» Ubah persepsi negatif terhadap minyak sawit

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Sokongan, cetusan idea dan sumbangan tenaga Tan Sri Shahrir Abdul Samad selaku Pengerusi MPOB berjaya mengubah persepsi negatif terhadap minyak sawit oleh pihak-pihak yang melemparkan tohmahan bagi memburukkan imej minyak sawit.

“Beliau komited dan terus berusaha menangkis tohmahan pihak luar yang memburukkan imej minyak sawit negara berhubung pengurusan alam sekitar dan pemuliharaan habitat hidu-



Datuk Dr Choo Yuen May ketika menyampaikan ucapan penghargaan kepada Tan Sri Shahrir Abdul Samad sempena Majlis Penghargaan dan Titipan Kasih Bekas Pengerusi MPOB itu.

pan liar khususnya orang utan”, kata Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May ketika menyampaikan ucapan penghargaan dan Titipan Kasih Bekas Pengerusi MPOB itu, di Bangi, baru-baru ini.

Menurutnya, Tan Sri Shahrir telah melepaskan jawatan Pengerusi MPOB selepas berkhidmat

bagi tempoh 1 Mei 2010 hingga 15 April 2013 untuk bertanding kerusi Parlimen Johor Bahru pada pilihan raya umum yang lalu dan berjaya mengekalkannya.

Katanya lagi, kempen dan persepsi negatif terhadap industri sawit ditangani melalui pengurusan siri persidangan oleh MPOB dan pertemuan dengan pihak badan bukan Kerajaan (NGO), wakil

media dan penggubal dasar di luar negara.

Menurutnya, Tan Sri Shahrir mengetuai delegasi MPOB dan wakil industri sawit dalam siri lawatan dan menyampaikan ucapan dalam persidangan anjuran MPOB di luar negara termasuk di Sydney, Australia dan di Paris, Perancis.

“Tan Sri Shahrir turut mengambil inisiatif mengadakan pertemuan dengan ketua pegawai eksekutif serta pengurus kemampunan yang mewakili syarikat perladangan dalam negara bagi membincangkan usaha-usaha pemuliharaan yang dijalankan di samping berkongsi strategi yang sama dalam menangani ancaman daripada NGO dan halangan pasaran.

Jaringan kukuh

“Beliau juga memulakan jaringan kukuh dengan beberapa organisasi pemuliharaan seperti Zoos Victoria yang giat menjalankan kempen anti minyak sawit dan World Association of Zoo and Aquaria (WAZA) serta pihak European Association of Zoos and Aquaria (EAZA),” katanya.

Menurutnya, Tan Sri Shahrir turut menjemput Ahli-Ahli Parlimen Australia dan Perancis melawat Malaysia bagi mendapatkan maklumat tepat mengenai industri sawit dan langkah-lang-

kah pemuliharaan orang utan.

“Usaha beliau ini telah dapat memberi kefahaman kepada pihak luar mengenai amalan mampan industri sawit negara seterusnya mengubah persepsi negatif terhadap minyak sawit,” katanya

Katanya lagi, selain itu Tan Sri Shahrir turut menggalakkan pendekatan konsultasi dan interaksi dengan pihak yang berkepentingan (stakeholders) dalam industri sawit dengan mengadakan interaksi secara tahunan dengan persatuan-persatuan yang terabit dengan industri sawit.

Menurutnya pelbagai isu dapat diselesaikan dengan baik demi kesejahteraan industri sawit negara melalui pertemuan dan perbincangan yang diadakan.

Menurutnya, sepanjang berkhidmat sebagai Pengerusi MPOB, beliau telah berusaha giat bersama Bekas Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok dan bekas Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin bagi meningkatkan kemajuan industri sawit negara.

“Sepanjang menerajui MPOB, Tan Sri Shahrir memberi komitmen tinggi dan sokongan padu terhadap usaha-usaha MPOB membangun dan memajukan industri sawit negara”, katanya.

FORUM MPOB-MPOA BINCANG ISU INDUSTRI SAWIT

Forum bincang 14 isu penyelidikan utama sawit

Oleh Shamala Sundram
shamala@mpob.gov.my

Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan forum bersama Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) baru-baru ini bertujuan meningkatkan interaksi secara berterusan, bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan serta berkongsi maklumat dan pandangan mengenai industri sawit negara.

Forum dipengerusikan bersama Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Pengerusi Jawatankuasa R&D MPOA, Dato' Carl Bek Nielsen.

Forum disertai 30 ahli MPOA yang terdiri daripada wakil industri sawit pelbagai latar belakang; peladang, penyelidik, pemilik ladang sawit dari seluruh Malaysia dengan kehadiran pegawai penyelidik dari MPOB.

Pada forum berkenaan, 14 isu penyelidikan utama yang berkaitan dengan penanaman dan masalah teknikal yang dihadapi oleh pengusaha ladang sawit dibincangkan.

Antara isu yang dibincang termasuk penambahbaikan baka sawit, penyakit Ganoderma, biological oxygen demand (BOD), penilaian kitaran hayat (LCA) sawit, pelan biosekuriti sawit, CANTAS,



Datuk Dr Choo Yuen May dan Datuk Carl Bek Nielsen ketika Forum MPOB-MPOA bertujuan meningkatkan interaksi dalam aktiviti penyelidikan serta berkongsi maklumat dan pandangan mengenai industri sawit negara, baru-baru ini. Turut sama Timbalan Ketua Pengarah (R&D) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Ketua Pegawai Eksekutif MPOA, Datuk Makhdzir Mardan (kiri).

3-chloropropane-1,2-diol (3-MCPD), peta genom, nutrisi, teknologi pelepasan, teknologi sisa sifar, penyakit reput pucuk, penularan ulat bungkus dan pengurusan serta pemulihan tanah.

Isu lain yang turut dibincangkan adalah kadar perahan minyak, pekerja asing, piawaian minyak sawit mampan Malaysia (MSPO), baja bio, pengilangan, aktiviti penguatkuasaan dan pelesenan serta skim tanam semula.

MPOB memaklumkan kejayaan mendapatkan jujukan genom

sawit yang berjaya diterbitkan di jurnal *Nature*. Ini diikuti dengan pengesanan ciri tempurung sawit. Maklumat jujukan genom berpotensi digunakan bagi mendapatkan ciri-ciri yang lain seperti rintangan penyakit dan ketinggian pokok sawit.

Awasi produk baja

MPOA juga menyuarakan kebimbangan pengeluaran pelbagai jenis baja dan menyarankan MPOB untuk mengawasi produk ini dengan lebih berhati-hati untuk mengelakkan penipuan te-

rutamanya dalam kalangan pekebun kecil.

MPOB juga menjelaskan yang Pelan Biosekuriti Sawit sedang dibangunkan dengan kerjasama Centre of Agriculture Bioscience International (CABI) dan dijangka akan lengkap menjelang 2015.

Pada forum berkenaan, MPOB juga memaklumkan bahawa kajian nutrisi minyak sawit adalah amat penting dan diberi keutamaan oleh MPOB. Peranan minyak sawit sebagai minyak yang sihat perlu dikaji dengan kerjasama ujian klinikal pada pering-

kat antarabangsa. MPOB sehingga kini telah menjalankan enam kajian klinikal.

Forum juga menyatakan penyakit Ganoderma amat berleluasa dan langkah perlu dilakukan untuk menangani penyakit ini dengan lebih agresif.

MPOB menjelaskan bahawa manual pengurusan berkesan bagi penyakit Ganoderma sedang disediakan untuk panduan peladang sawit. Sebagai organisasi yang bertanggungjawab melakukan penyelidikan berkenaan industri sawit, MPOB juga berkongsi maklumat dan menjalankan penyelidikan secara kolaborasi dengan universiti dalam serta luar negara dan dengan pihak swasta.

Pembangunan produk CANTAS

Antara kolaborasi berkenaan ialah bagi pembangunan produk CANTAS bagi menuai buah tandan segar pada pokok tinggi dan kawasan berbukit serta aktiviti penyelidikan berkenaan penyakit Ganoderma dan reput pangkal yang disebabkan oleh kulat *Phytophthora palmivora*.

Isu lain yang turut dibincangkan adalah penguatkuasaan 20ppm Biological Oxygen Demand (BOD) oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas efluen kilang pemprosesan sawit dan penempatan pegawai penguatkuasaan NKEA serta skim tanam semula sawit.

Program Mini POFP berjaya

» Lawatan kerja, seminar sempena kehadiran delegasi Henan University of Technology

Oleh Yoong Jun Hao dan Fauziah Arshad
 jhyoong@mpob.gov.my dan fauziah@mpob.gov.my

► Bangi

MPOB menerusi Unit Khidmat Nasihat Teknikal (TAS) menganjurkan program Mini Suaikenal Minyak Sawit (Mini POFP) khusus kepada delegasi dari Henan University of Technology, China, di sini, baru-baru ini.

Program dua hari itu merangkumi lawatan ke ladang dan kilang sawit serta seminar mengenai minyak sawit di samping lawatan ke Ibu Pejabat MPOB.

Delegasi diketuai Dekan Fakulti Minyak dan Pemakanan, Henan University of Technology, Prof Lu Qiyu yang juga ahli Ja-



Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB (barisan hadapan, empat dari kanan) serta Prof Lu Qiyu, Dekan Fakulti Minyak dan Pemakanan (barisan hadapan, tiga dari kanan), delegasi dari Henan University of Technology, China dan pegawai-pegawai MPOB.

watankuasa Draf Standard Keselamatan Makanan di China.

Kaji rangkaian bekalan pengeluaran

Tujuan utama lawatan ke Malaysia adalah untuk mengkaji rangkaian bekalan pengeluaran dan pemrosesan minyak sawit

di Malaysia di samping berinteraksi dengan pegawai MPOB, bagi memperoleh maklumat sebagai panduan dalam menyemak semula standard minyak sawit di China.

Sempena lawatan delegasi tersebut, satu sesi perbincangan bersama Ketua Pengarah Lembaga

Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May telah diadakan.

Perbincangan ini telah berhasil di mana ahli jawatankuasa tersebut memaklumkan bahawa pandangan dan ulasan MPOB akan diambil kira semasa penyemakan semula standard mi-

nyak sawit di China dijalankan.

Secara keseluruhannya, program Mini POFP ini telah berjaya mencapai objektifnya untuk menyampaikan maklumat teknikal kepada delegasi China di samping meyakinkan pihak China akan kualiti pengeluaran minyak sawit di Malaysia.

MPOB anjur bengkel bincang ekosistem gambut tropika

Oleh Nur Maisarah Jantan
 nur.maisarah@mpob.gov.my

Miri: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan Bengkel Nasional Mengenai Ekosistem Gambut Tropika (National Workshop on Tropical Peat Ecosystem) di sini, baru-baru ini.

“Bengkel dianjurkan bagi berkongsi maklumat mengenai penyelidikan dan pembangunan tanah gambut yang terdapat di Malaysia,” kata Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam teks ucapan beliau yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Menurutnya, bengkel berkenaan juga menyediakan platform bagi membincangkan isu gambut yang sering diutarakan kepada industri sawit Malaysia.

Katanya, ini termasuk isu pelepasan gas rumah hijau dan kehilangan biodiversiti dari kawasan tanah gambut.

“Pada masa ini, terdapat 2.43 juta hektar kawasan tanah gambut di negara ini dan sebahagian



Peserta bengkel mengadakan perbincangan secara berkumpulan ketika sesi ‘breakout’.

besarnya terdapat di negeri Sarawak iaitu kira-kira 1.58 juta hektar.

“Pada masa ini sebanyak 1.17 juta hektar sawit ditanam di Sarawak dan kira-kira 430,000 hektar tanaman sawit di negeri ini ditanam di kawasan gambut,” katanya.

Jalankan penyelidikan

Menurutnya, MPOB telah men-

jalankan penyelidikan serta pembangunan bagi menangani pelbagai isu dibangkitkan berkaitan penanaman sawit di kawasan tanah gambut tropika sejak tahun 1980 an.

MPOB menubuhkan stesen penyelidikan bagi menjalankan penyelidikan penanaman sawit di tanah gambut di Teluk Intan, Perak pada tahun 1983 dan di Sesang, Sarawak pada tahun 1991.

MPOC iktiraf tokoh industri sawit



Dato' Lee Yeow Chor (tengah) mempengerusikan sesi soal jawab forum yang disertai oleh pembentang kertas. Turut kelihatan, Ahmad Sidek Stroo, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB (kiri) dan Tan Sri Dr Yusof Basiron, Ketua Pegawai Eksekutif MPOC (kanan).

» PILA cunghil idea kreatif demi kebaikan industri, wujud jenama positif

MPOC baru-baru ini menganjurkan majlis makan malam sempena penyampaian Anugerah Kepimpinan Industri Sawit (PILA) Palm Oil Industry Leadership Award yang keenam di Kuala Lumpur pada 26 Ogos 2013.

Mula diperkenalkan oleh MPOC pada tahun 2008, anugerah PILA ialah pengiktirafan MPOC kepada peneraju industri minyak sawit di atas sumbangan mereka kepada industri ini. Ini termasuk memberi idea yang inovatif, melakukan perubahan kepada polisi yang sedia ada, atau memiliki kualiti kepimpinan tinggi yang kesemuanya memberi manfaat yang sangat besar kepada industri, seperti mewujudkan peluang baru untuk kemajuan serta peningkatan pemasaran minyak sawit.

Sempena dengan Majlis Makan Malam PILA, MPOC buat julung-julung kalinya telah menganjurkan Forum Kepimpinan Minyak Sawit (PILF) Palm Oil Industry Leadership Forum pada sebelah tengahari. Forum ini disasarkan khusus kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan syarikat-syarikat perladangan minyak sawit Malaysia serta organisasi-organisasi yang berkaitan sebagai platform membincangkan pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri minyak sawit Malaysia dan mengambil pandangan serta pendapat yang dapat merumuskan penyelesaian kepada cabaran-cabaran tersebut.

Forum yang dipengerusikan oleh Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor, mengenengahkan

pembentangan kertas oleh enam orang pakar di dalam bidang masing-masing. Topik-topik yang dibentangkan adalah berkaitan harga pasaran minyak sawit berbanding minyak soya, minyak sawit mampan Malaysia (MSPO), penjenamaan minyak sawit, dana untuk penyelidikan dan pembangunan serta untuk menanganikan cabaran dan peluang masa depan, minyak sawit dalam perspektif pengguna-pengguna di Eropah, dan pensijilan minyak sawit.

Tunjuk sikap minat

Forum tersebut berakhir dengan sesi soal jawab oleh peserta. Soalan-soalan yang dikemukakan mencerminkan sikap dan minat ahli-ahli industri minyak sawit Malaysia untuk maju ke hadapan dan menghadapi cabaran-cabaran masa akan datang terutama dari segi kemampuan dan penjenamaan. Terdapat banyak cadangan yang dikemukakan untuk kebaikan industri minyak sawit

dan percaya amalan mampan dapat mewujudkan satu jenama yang positif bagi minyak sawit Malaysia.

Forum yang berakhir pada lewat petang disusuli dengan Majlis Makan Malam Anugerah Kepimpinan Minyak Sawit Malaysia (PILA). Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah turut hadir pada majlis tersebut dan menyampaikan anugerah PILA kepada mantan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Tan Sri Bernard Dompok memegang jawatan sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia dari tahun 2009 hingga awal 2013; satu tempoh yang amat mencabar di mana industri minyak sawit Malaysia sedang berdepan dengan pelbagai isu-isu berkaitan alam sekitar pada ketika itu.

Beliau menangani cabaran-cabaran tersebut dengan mewujudkan hubungan kerja yang baik

dengan ahli-ahli Parlimen Eropah dan kumpulan-kumpulan Lobi Amerika untuk memastikan penerimaan terhadap produk-produk sawit dan biodiesel. Isu kemampanan minyak sawit merupakan agenda yang penting kepada beliau untuk memastikan pasaran minyak sawit Malaysia ke destinasi eksport utama terus kekal.

Tanaman sawit berkembang

Tan Sri Bernard juga menerajui aktiviti-aktiviti penggalakkan minyak sawit Malaysia ke pasaran-pasaran baru seperti Asia Utara, Afrika dan Eropah Timur. Hasilnya terbukti dengan peningkatan import minyak sawit oleh beberapa negara sehingga 6 kali ganda sejak tahun 2009. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, pendapatan negara dari eksport daripada industri minyak sawit Malaysia mencecah rekod tertinggi iaitu lebih RM80 bilion pada tahun 2011. Kawasan tanaman sawit negara berkembang daripada 4.7 juta hektar pada tahun 2009 kepada 5.08 juta hektar pada tahun 2012. Pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) juga telah meningkat daripada 17.56 juta tan kepada 18.8 juta tan pada tempoh yang sama.

Pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) yang meliputi semua aspek pengeluaran minyak sawit mampan berdasarkan keperluan perdagangan global merupakan salah satu inisiatif Tan Sri Bernard.

Beliau juga memainkan peranan penting di dalam penubuhan Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) dan penubuhan koperasi penanaman sawit mampan di kalangan pekebun kecil. Beliau juga telah mewujudkan bantuan kewangan melalui penggalakan integrasi ternakan, skim benih sawit berkualiti dan juga Skim Insentif Tanam Semula (SITS). Semua ini adalah usaha-usaha



Pameran gambar-gambar yang memenangi pertandingan fotografi Palm Portraits anjuran MPOC menarik perhatian tetamu yang hadir pada majlis makan malam PILA.

untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

Tan Sri Bernard juga terbabit secara aktif dalam pelaksanaan program biodiesel sawit B5 di negara ini. Penggunaan B5 telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di Zon Tengah yang meliputi Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka; dan sedang berkembang meliputi seluruh Malaysia pada bulan Julai 2014. Program B5 merupakan inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan bahan api dari sumber yang boleh diperbaharui yang lebih mesra alam. Langkah strategik ini telah membantu mengekalkan stok minyak sawit mentah (CPO) negara ini ke paras optimum yang mana telah mempengaruhi harga CPO dengan menjadikannya lebih kompetitif di pasaran global.

Tan Sri Bernard juga telah menyertai beberapa sesi dialog dan rundingan dengan wakil-wakil daripada industri minyak sawit Malaysia untuk membincangkan pelbagai isu-isu berkaitan dengan industri. Perbincangan sering tertumpu kepada penyelidikan, dan masalah yang dihadapi oleh industri minyak sawit seperti tenaga kerja tidak mencukupi dan gaji minimum untuk pekerja.

Sepanjang tempoh Tan Sri Bernard memegang jawatan sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, kerajaan telah memperuntukkan RM5.3 juta melalui subsidi individu di bawah Skim Diskaun Cantas bagi pekebun kecil, yang ingin membeli mesin tuaian buah sawit bermotor (Cantas) untuk meningkatkan produktiviti mereka.

Dasar penting

Peranan beliau sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia bernoktah dengan langkah dasar yang penting dan berani iaitu pemansuhan sistem kuota bebas cukai CPO dan digantikan dengan struktur duti eksport mandatori CPO yang lebih rendah. Ini telah dilaksanakan pada awal tahun 2013 dan mempunyai kesan yang besar bukan sahaja ke atas minyak sawit tetapi seluruh perdagangan minyak dan lemak global.

Majlis makan malam PILA juga merupakan platform acara penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan fotografi Palm Portraits anjuran MPOC. Sejumlah 16 buah gambar yang memenangi pertandingan tersebut serta gambar-gambar terpilih di pameran pada majlis tersebut.



Biodiesel sawit bahan api mesra alam

Biodiesel merujuk kepada bahan api diesel berasaskan minyak sayuran atau lemak haiwan yang terdiri daripada rantaian panjang alkil ester. Dalam pada itu, biodiesel sawit boleh diadun dengan diesel petroleum.

Detik permulaan penggunaan biodiesel sawit sebagai bahan api secara komersial dilaksanakan pada tahun 2006 dan digunakan pada kenderaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Pelbagai keistimewaan boleh didapati daripada penggunaan biodiesel sawit sebagai bahan api.

Oleh itu, satu langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan melalui MPOB dengan memperkenalkan B5 (Biodiesel Sawit B5) dan B10 (Biodiesel Sawit B10) bagi mengatasi isu pemanasan global apabila biodiesel sawit adalah bersifat mesra alam. Seperti mana yang kita ketahui, isu pemanasan global sering menjadi topik perbincangan manusia di segenap penjuru dunia terutamanya bagi negara yang dilabel sebagai negara maju. Justeru, langkah memperkenalkan biodiesel sawit sebagai bahan api di peringkat nasional merupakan langkah proaktif dalam mengatasi masalah alam sekitar di pentas global mahupun global.

Keupayaan biodiesel sawit sebagai bahan api mesra alam dapat dibuktikan apabila biodiesel sawit mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG). GHG merupakan satu lapisan gas beracun yang terdiri daripada

**PEMENANG PERTAMA
Muhammad Haiqal Bin Hassan (No. K/P: 960619-10-5585)
SMK Sungai Besar,
45300 Sungai Besar,
Selangor**

karbon dioksida, karbon monoksida, sulfur dioksida dan hidrokarbon yang menghalang pemalihan haba ke atmosfera yang berpunca daripada pembakaran bahan api fosil. Pengenalan B5 dan B10 dikatakan mampu mengurangkan pelepasan GHG sebanyak 50 peratus ke udara berbanding bahan api diesel petroleum.

Bahan kimia organik

Hal ini demikian kerana biodiesel sawit mengandungi bahan kimia yang lebih organik berbanding bahan api fosil. Kenyataan yang dikemukakan oleh Dato Sri Douglas Uggah Embas, bahawa program biobahan api tidak terhad hanya kepada menstabilkan harga minyak sawit mentah (CPO), malah sumbangannya dari aspek alam sekitar juga penting.

Selain itu, biodiesel sawit mampu mengekalkan ekosistem dunia. Hal ini dapat dibuktikan apabila adunan bio-

diesel sawit adalah gabungan antara biodiesel sawit dengan diesel petroleum. Biodiesel sawit B5 ialah adunan 5 peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel, manakala biodiesel sawit B10 merupakan adunan 10 peratus biodiesel sawit dengan 90 peratus diesel petroleum. Seperti mana kita ketahui, bahan api fosil merupakan sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui. Oleh itu, dalam usaha untuk mendapatkan sumber tenaga fosil ini, kita perlu meneroka kawasan tertentu. Keadaan ini secara tidak langsung akan menjejaskan ekosistem dunia berikutan kemusnahan kawasan. Justeru, pengenalan B5 dan B10 mencerminkan usaha murni kerajaan untuk menghasilkan sumber tenaga boleh diperbaharui sekaligus dapat mengekalkan kelestarian alam sekitar dan tidak menjejaskan ekosistem dunia.

Kurang pencemaran

Dalam pada itu, biodiesel sawit sebagai bahan api mesra alam dapat dibuktikan lagi melalui pengurangan pencemaran tanah. Pada hakikatnya, sisa sawit boleh digunakan sebagai baja tanaman melalui teknik pengkomposan. Namun begitu, lambakan sisa sawit secara tidak langsung akan mengakibatkan pencemaran tanah. Oleh itu, sisa sawit seperti tandan sawit boleh digunakan untuk dijadikan adunan dalam menghasilkan biodiesel sawit. Intihanya, biodiesel sawit merupakan bahan api mesra alam yang menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Akhir kalam, pelancaran penggunaan biodiesel sawit hasil kerjasama di antara Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan syarikat-syarikat petroleum yang ada di Malaysia menunjukkan komitmen Kerajaan untuk memelihara alam sekitar. Penggunaan biodiesel sawit sebagai bahan api mesra alam dapat dibuktikan apabila biodiesel sawit dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG), mengekalkan ekosistem dunia dan mengurangkan pencemaran tanah.

KUIZ SAWIT siri 33

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah;
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang;
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **23 September 2013**
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 26)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 33

1. Adunan lima peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus biodiesel petroleum dikenali sebagai...
 B10 B15 B5
2. Santan sawit mengandungi khasiat berikut kecuali...
 Vitamin A Vitamin C Vitamin E
3. Bagi memastikan industri sawit negara dilaksanakan secara mampan, MPOB telah memperkenalkan kod amalan iaitu...
 CoP RSPO SOP
4. PBerapakah jangka hayat optima sebatang pokok sawit?
 25 tahun 10 tahun 5 tahun
5. Tandan kosong sawit (EFB) dan sisa buangan kilang sawit (POME) dapat menjana tenaga elektrik
 Betul Salah
6. Vitamin E dalam minyak sawit dipercayai dapat melambatkan proses penuaan
 Betul Salah
7. Berikut adalah komoditi yang dipantau di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi kecuali...
 Sawit Getah Petroleum
8. Negara berikut adalah pengeluar minyak sawit dunia kecuali...
 Indonesia Thailand Denmark
9. Permohonan lesen pekebun kecil baru boleh dibuat secara online menerusi
 e-peniaga e-pelesenan e-registration
10. Tanaman ini sesuai ditanam di ladang sawit bagi mendapat hasil yang lumayan
 Bayam Kacang botol Pisang

Peraduan mengarang esei Berita Sawit bulan September 2013

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Industri sawit pemangkin ekonomi negara. Bincangkan".

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
Hadiah Pertama : RM250
Hadiah Kedua : RM200
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Oktober 2013 akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri adalah muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 September 2013
6. Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit

Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad
(Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Ogos 2013

Pemenang:
Hadiah Pertama
Muhammad Haiqal Bin Hassan (No. K/P: 960619-10-5585)
SMK Sungai Besar,
45300 Sungai Besar, Selangor

Hadiah Kedua dan Ketiga
Tiada pemenang

Borang Penyertaan Siri 33

Nama : _____
Tahap : _____
Alamat Sekolah: _____

Alamat Rumah: _____

No. Tel: _____

Nama pemenang Siri 32

1. Mohd Syaza Mohd Sahabudin
Sek. Keb. Ru Rendang, Marang, Terengganu
2. Aisya maisara Madrosaham
Sek. Keb. Rinching, Semenyih, Selangor
3. Amir Aiman Mohd Faizal
Sek. Keb. Sri Seremban, Seremban, Negeri Sembilan
4. Nur Ain Afiqah Yusoff
Sek. Keb. Taman Koperasi Polis, Fasa 2, Kuala Lumpur
5. Ainul Widad Ismail
Sek. Keb. Jalan Enam, Bandar Baru Bangi, Selangor
6. Ali Izzidin Abu Sallehin
Sek. Rendah Agama Integrasi Seksyen 19, Shah Alam, Selangor
7. Muhd Khaliq Muhd kamal
Sek. Keb. Paroi, Seremban, Negeri Sembilan
8. Aisyah Ahmad Bashir
Sek. Keb. Bukit Kuang, Kemaman, Terengganu
9. Nurul Janaah Talib
Sek. Keb. Sura, Dungun, Terengganu
10. Muhammad Firdaus Talib
Sek. Keb. Sura, Dungun, Terengganu



Dato Sri Douglas Uggah Embas bersama Menteri Pertanian Indonesia, Ir. Suswono bergambar sempena Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Malaysia dan Indonesia Ke- 8 di Kuala Lumpur.



Bekas Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok menerima Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) anjuran MPOC daripada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas. Turut kelihatan Pengerusi MPOC, Datuk Lee Yeow Chor dan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron.



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May bergambar bersama peserta Program Suaikenal Minyak Sawit 2013 (POFP).



Dato Sri Douglas Uggah Embas ketika melancarkan Kempen Mengibar Jalur Gemilang sempena Majlis Sambutan Merdeka Raya MPIC 2013.



Datuk Dr Choo Yuen May ketika menyampaikan cenderahati penghargaan kepada Tan Sri Shahrir Abdul Samad sempena Majlis Penghargaan dan Titipan Kasih Bekas Pengerusi MPOB.